

BAHAGIAN SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PARAS 5 BLOK J (SELATAN)
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50601 KUALA LUMPUR

Telefon : 2556900
Kawat : 'PENDIDIKAN'

KP(BS)8591/Id.III(9)

10 Mac, 1988

Semua Pengarah Pendidikan Negeri.

Y.B Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/1988:
Penyertaan pelajar Dalam Pertandingan
Atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan
Atau Badan Induk Sukan

Kementerian Pendidikan sentiasa menggalakkan penyertaan para pelajar dalam apa jua aktiviti sukan dan memperakukannya bahawa sukan sememangnya penting untuk menatani ketahanan diri dan kesihatan di samping menempuk perkembangan jasmani, rohani dan emosi pelajar-pelajar. Di samping itu, sukan sebagai sebahagian dari kegiatan ke-keluarga yang ada di samping di sekolah-sekolah, adalah juga merupakan satu-satunya saluran yang terbaik bagi menempuk persahabatan dan perpaduan di kalangan para pelajar.

2 Selain dari Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), pelbagai pertandingan dan kejohanan sukan untuk pelajar-pelajar mengikut peringkat umur juga diadakan oleh Persatuan atau Badan Induk Sukan sama ada secara persendirian atau pun dianjurkan bersama dengan MSSM. Ada kalanya pemilihan juga dibuat dari kalangan pelajar untuk membentuk pasukan yang akan mewakili negeri/negara ke pertandingan dan kejohanan peringkat kebangsaan/antarabangsa.

3 Usaha Persatuan atau Badan Induk Sukan ini untuk memajukan sukan di negara ini amatlah diarahkan serta wajar diberi sokongan. Akan tetapi satu gejala yang kurang cungham ialah apabila penyertaan pelajar-pelajar dalam pertandingan atau kejohanan tersebut termasuk ketika menjalani latihan, tidak diketahui atau di luar pengetahuan pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri. Hal ini perlu diperbetulkan kerana keperluan-keperluan tertentu harus dipenuhi sebelum seseorang pelajar itu dibenarkan mengambil bahagian.

4 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa keperluan-keperluan berikut dipenuhi sebelum pelajar-pelajar dibenarkan mengambil bahagian dalam mana-mana pemilihan, latihan, pertandingan dan kejohanan sukan anjuran pihak luar (secara bersendirian atau dianjurkan bersama dengan MSSM), supaya kepentingan, keperluan, keselamatan dan

kesejahteraan pelajar-pelajar sentiasa terjaga.

- i. Pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan yang akan disertai oleh pelajar itu diketahui oleh pengetua sekolah yang berkenaan dan dipersetujui oleh Pengarah Pendidikan Negeri.
- ii. Persetujuan dan kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga yang membenarkan pelajar mengambil bahagian dalam pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan.
- iii. Penyertaan dalam pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan anjuran badan luar atau dianjurkan bersama dengan MSSM itu tidak akan mengganggu atau menjejaskan persekolahan pelajar.
- iv. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan untuk pelajar akan disediakan.

5. Betakat mana yang boleh, adalah diarahkan supaya pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam pemilihan, latihan, pertandingan atau kejohanan sukan anjuran pihak luar (sama ada bersendirian atau dianjurkan bersama dengan MSSM) diawasi oleh guru pembimbing dari sekolah pelajar yang berkenaan. Langkah ini adalah wajar sebagai usaha sekolah untuk mengingati dengan dekat perkembangan yang berlaku ke atas pelajar-pelajar serta menentukan bahawa pelajar-pelajar terlindung dan selamat atau pengaruh yang tidak diinginkan.

6. Jasa baik Y.B. Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk menyampaikan Surat Pekeliling ini ke pada semua sekolah di bawah jagaan Y.B. Datuk/Tuan/Puan bagi maklumkan guru-guru dan pelajar-pelajar.

7. Terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(HAJJ JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHD NOOR)
Bahagian Sekolah
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia

8/1

1. Y.B. Sdr. Anwar bin Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia

2. Y.B Encik Woon See Chin
Timbalan Menteri Pendidikan.
3. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan.
4. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia.
6. Timbalan Ketua Setiausaha I,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
8. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
9. Timbalan Ketua Setiausaha II,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
10. Ketua-Ketua Bahagian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
11. Ketua Unit Perhubungan Awam,
Kementerian Pendidikan Malaysia.